



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)

TATACARA PEMROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) NEGERI SELANGOR



**EDISI 3
2024**



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)

TATACARA PEMROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) NEGERI SELANGOR

EDISI 3, 2024

Diluluskan di dalam
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN)
Ke 8/2024 bertarikh 20 Mac 2024

Tingkat 2-4,9 Menara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor,
Persiaran Damai, Seksyen 11,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
www.jpbdselangor.gov.my



TPr KHAIRULZAMAN BIN IBRAHIM
Pengarah
 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
 Negeri Selangor
 (PLANMalaysia Selangor)

PRAKATA

Penyediaan **Laporan Penilaian Impak Sosial** (*Social Impact Assessment* - SIA) adalah selaras dengan keperluan pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 pada tahun 2017 [Akta A1522]. Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil 4/2017 yang bersidang pada 23 Oktober 2017 telah bersetuju terhadap penerimapakaian dan pewartaan Akta A1522 di Negeri Selangor.

Bermula dari **Manual SIA Bagi Projek Pembangunan Edisi 1 pada tahun 2018**, usaha penambahbaikan Penyediaan Laporan SIA diteruskan seiring dengan pelbagai cabaran pembangunan baharu di Negeri Selangor. Lanjutan itu pada tahun 2020 **Tatacara Pemprosesan Laporan SIA Negeri Selangor Edisi 2** diterbitkan, bagi menambahbaik keperluan-keperluan penyediaan Laporan SIA Edisi 1.

Kini selaras dengan Panduan Pelaksanaan SIA Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) yang diterbitkan oleh PLANMalaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2023, PLANMalaysia Selangor sekali lagi telah menerbitkan **Tatacara Pemprosesan Laporan SIA Negeri Selangor Edisi 3, 2024** bagi pemajuan-pemajuan di bawah **Kategori B**. Selain mengambilkira keperluan PPSIA, tatacara Edisi 3 ini juga telah disesuaikan dengan semua keperluan agensi teknikal berkaitan serta PBT di Negeri Selangor. Tatacara Edisi 3 ini telah **diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 8/2024 pada 20 Mac 2024 dan disahkan oleh MMKN Selangor ke 9/2024 pada 27 Mac 2024**.

Tujuan utama Tatacara Pemprosesan Laporan SIA ini adalah untuk memberi panduan kepada penggerak projek dan perunding SIA di dalam penyediaan Laporan SIA. Ianya amat penting sebagai “*Planning Tool*” dalam membantu proses membuat keputusan yang berkesan di dalam mengurus isu-isu sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

Adalah diharapkan penerbitan Tatacara Pemprosesan Laporan SIA Negeri Selangor Edisi 3 ini dapat memberikan panduan yang lebih jelas kepada penggerak projek dan perunding SIA, serta memberi manfaat dalam mengurus persepsi masyarakat yang terkesan dengan projek pembangunan berhampiran, yang bakal dibangunkan. Seterusnya usaha ini dapat menyokong hasrat kerajaan negeri dalam menjadikan Negeri Selangor ideal untuk didiami dengan memberikan penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan secara seimbang dan inklusif (*Rancangan Selangor Pertama 2021 – 2025*).

“ Suatu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak – impak positif dan negatif sama ada yang dijangka atau di luar jangkaan serta proses – proses perubahan sosial hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar, program, pelan atau projek ”

International Principles of Social Impact Assessment, 2015

Penyediaan tatacara ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (Pindaan) 2017 (Akta A1522). Penyediaan Tatacara pemprosesan ini adalah berpandukan **Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) serta perlu dibaca bersama.**

01

02

03

04

KANDUNGAN

PENDAHULUAN **1**

1.1	Tujuan	1
1.2	Definisi SIA	2
1.3	Proses SIA	3
1.4	Faedah SIA	4
1.5	Evolusi Tatacara Pemprosesan Laporan SIA Negeri Selangor	4

KATEGORI SIA NEGERI **6**

2.1	Kategori SIA	6
2.2	SIA Kategori B	7
2.3	Jenis Pembangunan SIA Kategori B	8

SARINGAN **13**

3.1	Pengenalan	13
3.2	Peringkat Saringan	13

PROSES PENILAIAN LAPORAN SIA **15**

4.1	Pengenalan	15
4.2	Proses Penilaian SIA Kategori B	16

SENARAI RAJAH

Rajah 1 :	Proses SIA	3
Rajah 2 :	Perbandingan Proses SIA Kategori A dan Kategori B ...	15
Rajah 3 :	Carta Alir Proses Penilaian SIA Kategori B	16

SENARAI JADUAL

Jadual 1 :	Perincian Jenis-Jenis Pembangunan Di Bawah SIA Kategori B	8
Jadual 2 :	Pengemukaan Laporan SIA Kategori B	17
Jadual 3 :	Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor	19
Jadual 4 :	Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor	20

LAMPIRAN

Lampiran 1 :	Format Kandungan Laporan SIA	24
Lampiran 2 :	Senarai Semak Laporan Penilaian Impak Sosial	30
Lampiran 3 :	Senarai Maklumat Asas Projek Pembangunan	36

GLOSARI

AIS	Analisis Impak Sosial
EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i> (Penilaian Impak Alam Sekitar)
JPNS	Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Pengenalan
KM	Kebenaran Merancang
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LCP	Laporan Cadangan Pemajuan
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPFN	Majlis Perancang Fizikal Negara
OSC	<i>One Stop Centre</i> (Unit Pusat Setempat)
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDF	<i>Portable Document Format</i> (Format Dokumen Mudah Alih)
PPSIA	Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan
SIMP	<i>Social Impact Management Plan</i> (Pelan Pengurusan Impak Sosial)
TIA	<i>Traffic Impact Assessment</i> (Penilaian Impak Lalulintas)



01

PENDAHULUAN





1.1 TUJUAN

Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 3, 2024 disediakan bagi **menggantikan Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 2, 2020**. Tatacara ini telah menggariskan panduan yang seragam sebagai rujukan baharu dan terkini kepada penggerak projek, perunding SIA dan semua pihak yang terlibat dalam proses penyediaan dan pertimbangan Laporan SIA.

Tatacara peringkat negeri ini juga **telah menyeragamkan keperluan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023** yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk diselaraskan dengan keperluan Penilaian Impak Sosial di Negeri Selangor berdasarkan kelulusan berikut :

-  **Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil 2/2023 pada 19 Mei 2023 yang telah bersetuju untuk menerima pakai PPSIA** dan memutuskan senarai pembangunan SIA di peringkat Negeri diselaraskan dengan PBT di Negeri Selangor.
-  **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 8/2024 yang bersidang pada 20 Mac 2024 yang telah meluluskan Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 3, 2024** untuk diterimpakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.



1.2 DEFINISI

Satu proses **menganalisis, memantau dan mengurus impak-impak positif dan negatif** sama ada **yang dijangka atau di luar jangkaan** serta proses - proses perubahan sosial hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar, program, pelan atau projek.

(International Principles of Social Impact Assessment)

FUNGSI SIA DALAM PEMBANGUNAN

Proses SIA bermula seawal sebelum permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membolehkan projek pembangunan dirancang dan direka bentuk secara optimum. Ini akan memberi masa dan fleksibiliti kepada penggerak projek untuk mengubah suai reka bentuk projek dan mengelakkan isu- isu sosial daripada menjadi lebih rumit.



SIA adalah suatu alat perancangan projek (project planning tool) bagi penggerak projek

Analisis, kajian saintifik & jangkaan, dari SIA harus membawa kepada perancangan projek yang lebih baik dari segi sosial, mengurangkan kos kepada masyarakat, meminimakan impak & mematuhi semua peraturan.

SIA boleh digariskan sebagai satu proses untuk:

-  Mengenal pasti dan menilai impak-impak sosial yang dijangka terhasil daripada pelaksanaan sesuatu projek kepada individu atau komuniti;
-  Merangka langkah-langkah mitigasi yang praktikal dan berkesan untuk mengatasi atau mengurangkan impak negatif dan memantau keberkesanan langkah-langkah tersebut;
-  Merangka langkah-langkah efektif bagi memperkukuh impak positif; dan
-  Disediakan dan dikemukakan sebagai dokumen sokongan kepada kerajaan dalam membuat keputusan perancangan.



SIA adalah suatu alat membuat keputusan (decision making tool) bagi pihak Kerajaan

Laporan SIA harus disediakan dengan maklumat yang lengkap dan boleh dipercayai berkaitan impak dan langkah pengurusan untuk membolehkan pihak kerajaan membuat keputusan (informed decision) selaras dengan dasar/ aspirasi negara).


Penyediaan Laporan SIA fokus kepada kemampuan sosial serta bertujuan untuk memupuk penggerak projek menjadi rakan kepada komuniti, bagi menerapkan perubahan sosial yang positif ke arah meningkatkan kesejahteraan sesuatu komuniti khususnya mereka yang terpinggir, terabai dan kumpulan yang kurang bernasib baik di dalam komuniti.

SIA juga merupakan satu alat membuat keputusan yang mampu memastikan isu-isu sosial dapat ditangani, meliputi impak dan proses perubahan sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

1.3 PROSES SIA

SIA merupakan satu proses dalam kitaran sesuatu projek di mana ia dijalankan bermula dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat pelaksanaan projek. **Rajah 1** menunjukkan turutan proses SIA mengikut peringkat pelaksanaan projek. Format laporan SIA boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1**.

Rajah 1 : Proses SIA



Sumber : Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023, PLANMalaysia

Merujuk kepada Rajah 1.1, **penglibatan awam merupakan satu proses penting yang perlu diterapkan secara berterusan sepanjang tempoh hayat projek** agar pihak berkepentingan diberi ruang dan peluang untuk berkongsi pandangan bagi menambah baik perancangan projek demi kebaikan semua.

1.4 FAEDAH SIA

Faedah-faedah yang boleh diperolehi hasil daripada penyediaan SIA adalah seperti berikut:


- ❖ Kesaksamaan sosial dan ekuiti;
- ❖ Penerimaan masyarakat terhadap projek pembangunan;
- ❖ Memaksimumkan faedah-faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos;
- ❖ Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan;
- ❖ Membangunkan kapasiti masyarakat; dan
- ❖ Melindungi golongan mudah terjejas (*vulnerable group*).

1.5 EVOLUSI TATACARA PEMROSESAN LAPORAN SIA NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat JPNS Bil 4/2017 yang bersidang pada **23 Oktober 2017** telah **bersetuju** terhadap **penerimapakaian dan pewartaan [Akta A1522] di Negeri Selangor**. Rentetan itu, PLANMalaysia Selangor telah menerbitkan beberapa edisi Tatacara Pemprosesan Laporan SIA bermula dari tahun 2019.



EDISI 1, 2019



TATACARA PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR EDISI 1, 2019

Mesyuarat JPNS : Bil. 2/2018 bertarikh 21 Ogos 2018

BERSETUJU terhadap penerimapakaian Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Peringkat Negeri Selangor Edisi 1, 2019 dengan syarat **PLAN**Malaysia Selangor bersama PBT menetapkan saiz atau keluasan pembangunan bagi semua ciri-ciri pembangunan SIA Kategori 3.

EDISI 2, 2020


TATACARA PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR EDISI 2, 2020

Mesyuarat JPNS : Bil. 3/2019 bertarikh 20 Ogos 2019


BERSETUJU terhadap penerimapakaian Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Peringkat Negeri Selangor Edisi 2.

Mesyuarat JPNS : Bil. 3/2020 bertarikh 23 Oktober 2020

BERSETUJU terhadap pindaan Jadual Kategori 3 di dalam Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Peringkat Negeri Selangor Edisi 2.



EDISI 3, 2024



TATACARA PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) NEGERI SELANGOR EDISI 3, 2024

Mesyuarat MMKN : Bil. 8/2024 bertarikh 20 Mac 2024

MENIMBANGKAN DAN MELULUSKAN Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 3 bagi tujuan pemakaian di PBT Negeri Selangor.

02

KATEGORI SIA
NEGERI

2.1 KATEGORI SIA


Setiap projek pembangunan adalah berlainan dari segi konteks dan skala. Potensi impak juga adalah berbeza dari segi jenis potensi dan tahap keketaraan sesuatu impak kepada komuniti sekitar. Penyediaan Laporan SIA yang juga sebahagian daripada “pelan” sepertimana yang diperuntukkan di bawah **subseksyen 2(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976** [Akta 172], juga disediakan mengikut kategori berdasarkan skala dan jenis pembangunan.

Terdapat dua (2) kategori Laporan SIA yang boleh disediakan iaitu **Kategori A** (perlu mendapat nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)) dan **Kategori B** (keperluan di peringkat negeri sebagai dokumen sokongan bagi pengemukaan kebenaran merancang (KM)). Oleh yang demikian **tatacara ini akan memfokuskan kepada Kategori B bagi konteks di Negeri Selangor.**

KATEGORI A


Sebagai **dokumen sokongan bagi mendapat nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** di bawah seksyen 20B & subseksyen 22(2A), [Akta 172].

Tatacara bagi mengemukakan **Laporan SIA Kategori A** adalah merujuk kepada **PPSIA, PLANMalaysia 2023.**



KATEGORI B


Projek yang mempunyai impak sosial ketara yang ditentukan dan ditetapkan oleh **PLANMalaysia Selangor / PBT** dan sebagai **dokumen sokongan bagi pengemukaan kebenaran merancang.**



Tatacara bagi mengemukakan **Laporan SIA Kategori B** adalah merujuk kepada **Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 3**

2.2 SIA KATEGORI B

SIA Kategori B meliputi jenis-jenis pembangunan selain daripada **SIA Kategori A**, tetapi dikenalpasti mempunyai impak sosial yang ketara, dan tidak mencukupi untuk dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang disediakan di bawah perenggan 21A(1)(ea), Akta 172. Oleh itu, bagi jenis-jenis pembangunan sedemikian, Laporan SIA perlu disediakan dan dinilai secara berasingan. **Laporan SIA Kategori B tidak perlu diangkat ke peringkat MPFN. Laporan SIA Kategori B** merupakan dokumen yang disertakan dalam permohonan kelulusan KM di bawah subseksyen 21(1) Akta 172.



NOTA

***Impak Sosial Ketara** didefinisikan sebagai impak sosial negatif yang dikenalpasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung yang memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif.*

Sekiranya Laporan SIA secara khusus tidak diperlukan, Analisis Impak Sosial (AIS) perlu disediakan di dalam LCP. Keperluan penyediaan AIS adalah mengikut perenggan 21A(1)(ea), Akta 172. PLANMalaysia Selangor telah menerbitkan **Panduan Pelaksanaan Analisis Impak Sosial Dalam LCP Negeri Selangor**.

Jenis-jenis pembangunan di bawah **SIA Kategori B** meliputi pembangunan yang ditentukan dan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau PBT dan dikemaskini mengikut keperluan semasa sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat MMKN Bil. 8/2024 bertarikh 20 Mac 2024 seperti berikut :



PERUMAHAN



RUMAH PEKERJA



PERNIAGAAN



PERINDUSTRIAN



PENGURUSAN SISA



TENAGA DAN UTILITI



JALAN RAYA



PENEBUSGUNAAN
PINGGIR LAUT



LAIN-LAIN PROJEK
PEMBANGUNAN

2.3 JENIS PEMBANGUNAN SIA KATEGORI B

Perincian dan senarai jenis-jenis pembangunan yang dikategorikan di bawah SIA Kategori B seperti **Jadual 1** berikut :

Jadual 1 : Perincian Jenis-Jenis Pembangunan Di Bawah SIA Kategori B

JENIS PEMBANGUNAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN	CIRI PEMBANGUNAN
1. KATEGORI PERUMAHAN		
Kediaman	≥ 2,000 unit rumah	• Pembinaan baharu termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% daripada kawasan sedia ada. • Pembangunan yang berintensiti tinggi dan melibatkan pengambilan balik tanah. • Terdapat sensitif reseptor di sekitar seperti rumah ibadat, penempatan orang asli, tapak/ bangunan warisan dan seumpamanya. • Impak kepada kemudahan masyarakat seperti sekolah, tempat ibadat, sekolah dan lain - lain kemudahan yang diperlukan.
2. KATEGORI RUMAH PEKERJA		
Penginapan Pekerja Berpusat (<i>Centralized Labour Quaters</i> : CLQ)	≥ 500 orang pekerja	• Pembangunan CLQ baharu di dalam kawasan zon guna tanah perumahan dan kawasan perniagaan. • Pembangunan CLQ berasingan atau terletak di luar tapak pembinaan / pembangunan keseluruhan. • Tambahan ke atas bangunan CLQ sedia ada yang melibatkan peningkatan jumlah pekerja. • Impak ke atas peningkatan kepada kemasukan warga asing. • Impak ke atas sosio-budaya, peningkatan gejala sosial dan risiko penularan penyakit. • Impak ke atas penurunan nilai hartanah sekitar.

JENIS PEMBANGUNAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN	CIRI PEMBANGUNAN
3. KATEGORI PERNIAGAAN		
i. Pangsapuri Perkhidmatan / SOHO	$\geq 2,000$ unit	- Pembinaan baharu termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% daripada kawasan sedia ada. - Impak kepada kesesakan lalu lintas dan kemudahan awam akibat pertambahan penduduk.
ii. Taman Tema	Pusat Hiburan, Kasino berskala besar, Safari Hiburan, Rekreasi Air, Permainan <i>Extreme, Under Waterworld, Petting Farm</i>	- Taman tema yang bersifat kekal. - Terletak lingkungan 500m dari kawasan perumahan sedia ada. - Pembinaan baharu termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. - Impak ke atas kesesakan lalu lintas yang mengganggu daya huni sesebuah kawasan. - Impak kepada ekonomi setempat dan nilai hartanah sekitar.
iii. Hypermarket / Superstore	$\geq 100,000$ kps	<i>Hypermarket</i> dan <i>superstore</i> terletak dalam radius ≤ 1.6 km daripada kawasan perumahan. - Kesesakan lalu lintas yang mengganggu daya huni sesebuah kawasan. - Impak kepada ekonomi setempat dan nilai hartanah sekitar. - Impak ke atas peningkatan kepada kemasukan warga asing.
iv. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	≥ 1000 orang pelajar	- Kesesakan lalu lintas yang mengganggu daya huni sesebuah kawasan. - Impak kepada peningkatan penduduk sekitar disebabkan oleh penginapan pelajar di luar kampus. - Impak kepada ekonomi setempat dan nilai hartanah sekitar.

JENIS PEMBANGUNAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN	CIRI PEMBANGUNAN
v. Tapak Perkuburan Swasta	Krematorium, Kolumbarium, <i>Funeral Parlour</i>	- Pembinaan baharu termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. - Tempat Pengurusan Adat Istiadat Swasta (<i>stand alone building</i>). - Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesejahteraan hidup, mewujudkan sensitiviti kaum/golongan tertentu dan menjejaskan perpaduan komuniti. - Impak ke atas kesesakan lalu lintas dan kacau ganggu kepada penduduk sekitar apabila terdapat pengunjung yang ramai. - Mewujudkan impak ke atas penurunan nilai hartanah sekitar.
4. KATEGORI PERINDUSTRIAN		
i. Kawasan Perindustrian Utama /Baharu	≥ 100 ekar	- Pembangunan kawasan perindustrian baharu yang terletak di dalam lingkungan 500m daripada kawasan perumahan atau kawasan yang penerimaan sensitif sosial sekitar seperti rumah ibadat, penempatan orang asli, kemudahan awam, tapak / bangunan warisan dan seumpamanya. - Pembinaan kawasan industri baharu termasuk projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. - Impak kepada ekonomi setempat dan peningkatan kepada kemasukan warga asing. - Impak terhadap risiko keselamatan kepada komuniti berhampiran.

JENIS PEMBANGUNAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN	CIRI PEMBANGUNAN
ii. Perlombongan & Pengkuarian	Semua jenis perlombongan dan pengkuarian	• Impak terhadap risiko keselamatan kepada komuniti berhampiran. • Impak kepada kesesakan lalu lintas dan kenderaan berat yang akan mengganggu ketenteraman penduduk. • Impak pencemaran kepada komuniti berhampiran semasa pengoperasian.
5. KATEGORI PENGURUSAN SISA		
Pengurusan Sisa	Insinerator, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal	• Kesan terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk setempat. • Impak kepada kesesakan lalu lintas kenderaan berat yang akan mengganggu ketenteraman penduduk serta menjejaskan daya huni sesuatu kawasan. • Impak kepada nilai hartanah di kawasan sekitar. • Impak kepada pencemaran sekitar.
6. KATEGORI TENAGA DAN UTILITI		
Tenaga dan Utiliti	Laluan Paip Gas, Pencawang Masuk Utama (PMU), Rentis/ Rezab Utiliti	• Pemecahan komuniti atau pecah tanah (<i>severance</i>) akibat daripada halangan fizikal. • Risiko keselamatan daripada aktiviti kerja penyelenggaraan kepada komuniti setempat.
7. KATEGORI JALAN RAYA		
Jalan Raya	Jalan Utama di bawah piawaian reka bentuk R4/U4 (MTES)	• Pemecahan komuniti atau pecah tanah (<i>severance</i>) akibat daripada halangan fizikal. • Risiko keselamatan komuniti setempat melibatkan pembinaan struktur berat. • Impak bunyi bising sewaktu pembinaan dan operasi dan kesannya terhadap daya huni sesuatu kawasan. • Pengambilan balik tanah.

JENIS PEMBANGUNAN	KOMPONEN PEMBANGUNAN	CIRI PEMBANGUNAN
8. KATEGORI PENEBUSGUNAAN PINGGIR LAUT		
Penebusgunaan Pinggir Laut	Keluasannya 20 -50 ekar	• Impak kepada aktiviti ekonomi nelayan. • Kehilangan pantai rekreasi kepada masyarakat setempat. • Kemusnahan garisan pantai dan kesannya kepada aktiviti sosio-ekonomi komuniti. • Penutupan laluan keluar masuk untuk bot/kapal.
9. KATEGORI LAIN-LAIN PROJEK PEMBANGUNAN		
Lain-lain projek pembangunan termasuk pertanian, takungan air pinggiran sungai dan sebagainya yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.		

03

SARINGAN



3.1 PENGENALAN

Saringan (*screening*) merupakan langkah terawal di dalam proses SIA. Pelaksanaan proses saringan dapat membantu penggerak projek dan perunding melaksanakan SIA secara kos efektif dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara utama.

3.2 PERINGKAT SARINGAN

Sesuatu cadangan projek perlu melakukan saringan awal bagi menentukan sama ada cadangan projek pembangunan tersebut harus melalui proses SIA, serta selari dengan perundangan. Terdapat dua (2) peringkat saringan perlu dilaksanakan oleh Penggerak Projek atau Perunding SIA seperti berikut :

PERINGKAT 1 :

Saringan terhadap pematuhan kepada peruntukan undang – undang.

- ⬢ Penggerak projek dan perunding SIA **perlu menentukan sama ada projek tersebut perlu melalui proses SIA bagi jenis-jenis pembangunan di bawah Kategori A (PPSIA) atau Kategori B (Tatacara Pemprosesan Laporan SIA Negeri Selangor).**
- ⬢ Perbincangan dengan agensi teknikal berkaitan diperlukan pada peringkat saringan bagi **menentukan keperluan undang-undang atau prosedur yang perlu dipatuhi** sebelum melaksanakan sesuatu projek pembangunan.



- ***Penggerak projek / perunding SIA hendaklah mengadakan saringan kategori SIA kepada Urus Setia PLANMalaysia Selangor seperti berikut :***
 - i. *Surat rasmi*
 - ii. *Pelan Konsep / Pelan Susunatur yang mengandungi maklumat :*
 - *Komponen Cadangan Pemajuan (bilangan unit / bilangan katil asrama pekerja / bilangan pekerja dan sebagainya)*
 - *Keluasan komponen Cadangan Pemajuan*
 - iii. *Salinan Geran Tapak Pemajuan*
- ***Surat pengesahan saringan kategori SIA daripada PLANMalaysia Selangor atau surat arahan penyediaan Laporan SIA oleh PBT perlu dilampirkan semasa mengemukakan permohonan penilaian Laporan SIA kepada Urusetia SIA (rujuk Lampiran 3).***

PERINGKAT 2 :

Saringan terhadap pematuhan kepada dasar dan pelan semasa.

- 
Penggerak projek dan perunding SIA perlu meneliti sama ada cadangan projek pembangunan selari dengan dasar atau pelan nasional, negeri dan tempatan.
- 
Analisis kesesuaian tapak (*site suitability analysis*) perlu dijalankan dengan merujuk kepada Rancangan Pemajuan Nasional (Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara), Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas) serta penyelarasan terhadap **dasar dan **pelan lain** seperti Dasar Perhutanan Negara, Dasar Pengangkutan Negara serta Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan raya yang berkuatkuasa.**

04

PROSES PENILAIAN LAPORAN SIA



4.1 PENGENALAN

Penggerak projek dan pasukan perunding SIA perlu peka dengan **keperluan penyediaan SIA bagi projek yang ingin dilaksanakan berdasarkan kepada undang-undang dan garis panduan pelaksanaan semasa**. Tatacara ini menggariskan proses dan keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi dalam penyediaan Laporan SIA serta proses penilaian laporan tersebut khususnya bagi Laporan SIA Kategori B. Perbandingan proses bagi Kategori A dan B seperti **Rajah 2** berikut :

Rajah 2 : Perbandingan Proses SIA Kategori A dan Kategori B

KATEGORI A

-  Jenis pembangunan berdasarkan **PPSIA 2023, PLANMalaysia**.
-  Projek yang memerlukan nasihat MPFN, arahan PBN atau JPN perlu **diperolehi** sebelum pengemukakan permohonan nasihat MPFN dan kelulusan Laporan SIA kategori A.
-  Boleh dikemukakan serentak kepada urusetia MPFN dan urusetia SIA **PLANMalaysia** setelah arahan PBN/JPN diperolehi.
-  Nasihat MPFN dan keputusan penilaian Laporan SIA beserta SIMP projek akan disalurkan kepada **PLANMalaysia Negeri dan PBT** untuk diambil kira sebagai sebahagian syarat sebelum pemberian KM (C1).

**Rujuk PPSIA 2023, PLANMalaysia untuk maklumat lanjut proses SIA Kategori A*


KATEGORI B

-  Jenis pembangunan berdasarkan **Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Selangor Edisi 3, 2024**.
-  Projek perlu mendapatkan Kelulusan Laporan SIA Kategori B terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan KM ke Unit Pusat Setempat (OSC) di PBT.
-  Dikemukakan kepada urusetia **PLANMalaysia Selangor**
-  Keputusan penilaian Laporan SIA beserta SIMP projek akan disalurkan kepada PBT untuk diambil kira sebagai sebahagian syarat sebelum pemberian KM (C1).

4.2 PROSES PENILAIAN SIA KATEGORI B

Di Negeri Selangor, kelulusan Laporan SIA bagi Kategori B perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan KM di OSC. Ini adalah kerana kajian SIA perlu bermula seiring dengan proses merancang dan mereka bentuk pelan cadangan susun atur pembangunan. Dapatan kajian melalui sesi penglibatan komuniti digunakan dalam memilih alternatif susun atur terbaik sebelum reka bentuk pembangunan dimuktamadkan dan perunding mengemukakan cadangan pembangunan kepada OSC untuk kelulusan KM. Carta Alir Proses Penilaian SIA Kategori B sebagaimana **Rajah 3** berikut :

Rajah 3 : Carta Alir Proses Penilaian SIA Kategori B





Nota:

- SIMP disertakan dalam pemakluman kelulusan SIA kepada PBT sebagai syarat kelulusan KM.
- Proses penilaian SIA yang sama akan dilalui oleh pembangunan yang memerlukan KM dan CCC melalui rundingan di bawah seksyen 20A, [Akta 172] jika berkaitan.

PROSES 1

SARINGAN KATEGORI SIA / PENGUMPULAN MAKLUMAT / PRA – PERBINCANGAN

Proses ini diperlukan bagi mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkenaan **keperluan penyediaan Laporan SIA dan Katgeori SIA**. Proses ini secara tidak lansung membantu penggerak projek menyediakan Laporan SIA mengikut keperluan dan prosedur semasa. Pra perbincangan dibuat bersama urusetia SIA PLANMalaysia Selangor atau PBT berkenaan **keperluan penyediaan Laporan SIA khusus atau AIS di dalam LCP**.




Bagi Laporan SIA di peringkat PLANMalaysia Ibu Pejabat yang memerlukan pertimbangan daripada Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor hendaklah mengemukakan laporan dan surat secara rasmi dari ibu pejabat.

PROSES 2

PENYEDIAAN LAPORAN SIA KATEGORI B

Penggerak projek perlu membuat kajian penentuan data asas (*baseline study*), saringan dan pembidangan, pengumpulan data, jangkaan dan penilaian impak, langkah-langkah mitigasi, pelan pengurusan impak sosial merujuk kepada PPSIA 2023, PLANMalaysia.



PROSES 3

PENGEMUKAAN LAPORAN SIA KATEGORI B

Perunding perlu memastikan laporan SIA yang ingin dikemukakan adalah teratur berasaskan **format laporan** yang telah ditentukan dan melengkapi **Senarai Semak Laporan SIA**. Perunding juga perlu melengkapkan Senarai Maklumat Asas Projek Pembangunan. Secara umumnya, tatacara pengemukaan Laporan SIA Kategori B kepada Urus Setia SIA PLANMalaysia Selangor adalah seperti **Jadual 2** berikut :

Jadual 2 : Pengemukaan Laporan SIA Kategori B

PERKARA	KEPERLUAN KATEGORI B
Format Laporan	Seperti di Lampiran 1
Senarai Semak	Seperti di Lampiran 2 : Senarai Semak Laporan SIA Seperti di Lampiran 3 : Senarai Maklumat Asas Projek Pembangunan

PERKARA	KEPERLUAN KATEGORI B
Bahasa	Laporan perlu disediakan dalam Bahasa Melayu.
Jumlah Laporan SIA	<u>Laporan baharu / Laporan pindaan untuk pembentangan semula :</u> • 5 Salinan <i>hardcopy</i> dan 1 <i>softcopy format PDF</i> <u>Laporan pindaan :</u> • <i>Softcopy</i> laporan (untuk semakan panel penilai sebelum mengemukakan Laporan Akhir) • <i>Softcopy</i> Jadual Pindaan Laporan <u>Laporan akhir :</u> • 3 Salinan <i>hardcopy</i> dan 1 <i>softcopy format PDF</i>

PROSES 4 SEMAKAN AWAL LAPORAN SIA

Urus setia akan membuat semakan ke atas Laporan SIA yang disediakan memenuhi keperluan senarai semak dan format PPSIA. Setiap permohonan Laporan SIA yang lengkap sahaja akan diedarkan kepada Panel Penilai Laporan SIA sebelum di bawa dalam Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor. Laporan SIA juga akan diedarkan kepada Ahli Mesyuarat dalam bentuk digital untuk semakan dan ulasan. Jika laporan tidak lengkap dan tidak memenuhi senarai semak, penggerak projek atau perunding SIA perlu membuat pindaan dan perlu dikemukakan semula.

PANEL PENILAI



01

PANEL
PENILAI MIP



02

PANEL
PENILAI MSIA



02

PANEL PENILAI
AKADEMIK /
PLANMalaysia

Tiga (3) panel penilai impak sosial akan dilantik dalam menilai Laporan SIA yang dikemukakan oleh perunding SIA iaitu daripada *Malaysian Institute of Planners (MIP)*, *Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)* dan ahli akademik atau mana-mana individu daripada PLANMalaysia Ibu Pejabat.

Pelantikan panel pakar daripada **MIP** dan **MSIA** adalah berdasarkan kepada pencalonan oleh presiden masing-masing, manakala panel pakar daripada **ahli akademik atau daripada PLANMalaysia Ibu Pejabat** adalah daripada pelantikan Pengarah PLANMalaysia Selangor. Semua ahli pakar perlu memperolehi sijil “Penilai dan Penyedia Berdaftar Laporan SIA Bagi Projek Pembangunan” yang diperakui oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa.

FUNGSI PANEL PENILAI

- Mengesahkan proses penyediaan Laporan SIA berpandukan PPSIA;
- Kajian yang dibuat menggunakan metodologi yang bersesuaian;
- Penilaian yang dibuat oleh perunding SIA ke atas persekitaran sosial semasa yang dijangka akan menerima impak daripada cadangan pembangunan;
- Input dari kumpulan terjejas dan pihak berkepentingan yang dilibatkan melalui proses rundingan telah diselaraskan;
- Pandangan dan cadangan daripada komuniti setempat mengenai cadangan pembangunan telah diambil kira;
- Impak-impak pembangunan yang telah dijangka berdasarkan pendapat awam dan profesional telah dimasukkan sebagai panduan langkah mitigasi; dan
- Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang bersesuaian dan berkesan bagi mengurus dan meminimumkan impak negatif serta memaksimumkan impak positif.

Ahli Pakar perlu mengemukakan ulasan kepada urus setia SIA untuk rujukan di Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor.

PROSES 5

MESYUARAT PANEL PENILAI LAPORAN SIA

Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor akan **dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor** bagi membincangkan ulasan-ulasan teknikal yang berkaitan untuk proses kelulusan Laporan SIA. Penggerak projek perlu membuat pembentangan terperinci berkenaan dengan penemuan Kajian SIA di kawasan tapak cadangan pembangunan tersebut. Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA melibatkan senarai ahli mesyuarat seperti **Jadual 3** berikut :

Jadual 3 : Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor

PENGERUSI	Pengarah PLANMalaysia Selangor
AHLI TETAP	Unit Perancang Ekonomi (UPEN);
	Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (SDO)
	PBT berkaitan;
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP, MSIA, Akademik / Pegawai PLANMalaysia)
AHLI TURUT HADIR	Kementerian dan agensi berkaitan peringkat persekutuan (mengikut keperluan)
	Jabatan / Agensi berkaitan peringkat negeri/tempatan (mengikut keperluan)
URUS SETIA	Unit SIA, PLANMalaysia Selangor

Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor semasa sesi penilaian Laporan SIA, adalah seperti di **Jadual 4** berikut :

Jadual 4 : Peranan Ahli Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Selangor

AHLI MESYUARAT	PERANAN
PENGERUSI	• Memberi penerangan ringkas kepada pembentang mengenai prosedur sesi penilaian; • Memastikan perbincangan tidak terkeluar dari skop SIA; • Memastikan perbincangan di dalam parameter bidang impak sosial hasil dari cadangan projek pembangunan; • Mendengar dan mengambil kira semua pandangan ahli pakar, ahli tetap dan ahli turut hadir; dan • Membuat keputusan kelulusan Laporan SIA
AHLI TETAP / AHLI TURUT HADIR	• Memberi pandangan dan nasihat dari perspektif profesional agensi mengenai impak cadangan projek; • Mengesahkan impak pembangunan yang dikesan adalah impak sosial sebenar yang berkaitan dengan skop agensi untuk kebaikan masyarakat; dan • Memberi pandangan lain berdasarkan pengalaman profesional agensi/ahli.
PANEL PAKAR	• Membentangkan hasil penemuan semakan terhadap Laporan SIA dan menasihati pengerusi; • Memberi Input kepakaran dan mencadangkan penambahbaikan ke atas Laporan SIA; dan • Memberi justifikasi/ulasan terperinci sama ada Laporan SIA tersebut wajar diberi kelulusan.

 Penggerak projek dikehendaki mengemukakan bayaran honorarium kepada urus setia untuk diserahkan kepada Ahli Pakar. Kehadiran penggerak projek dan perunding SIA semasa mesyuarat adalah wajib. Mesyuarat boleh terbatal sekiranya penggerak projek gagal menghadirkan diri.



PROSES 6**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PERAKUAN LAPORAN**

Pemakluman Keputusan Mesyuarat Panel Penilai SIA dan perakuan Laporan Akhir SIA kepada Penggerak Projek, Perunding SIA, PBT dan ahli mesyuarat dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

TEMPOH SAH KELULUSAN LAPORAN SIA

Kelulusan terhadap Laporan SIA diberi selama dua (2) tahun. Permohonan bagi lanjutan atau memperbaharui kelulusan SIA boleh dibuat oleh penggerak projek **sekiranya** sebarang aktiviti pembinaan masih belum dimulakan dalam tempoh kelulusan SIA. **Pelanjutan kelulusan Laporan SIA selama satu (1) tahun** boleh dipertimbangkan oleh PLANMalaysia Selangor sekiranya :



Dalam situasi ini, penggerak projek perlu memastikan tiada impak sosial baharu yang signifikan kepada komuniti setempat dalam tempoh kelulusan diberikan sehingga ia luput. Sekiranya komponen, susun atur atau reka bentuk projek berubah dengan ketara, PLANMalaysia Selangor boleh memohon penggerak projek mengemukakan Laporan SIA baharu untuk dipertimbangkan semula.



Permohonan terhadap pelanjutan kelulusan laporan perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh luput kelulusan.

PROSES 7 PEMANTAUAN DAN AUDIT

Pemantauan terhadap SIMP perlu dijalankan oleh Penggerak Projek selepas Laporan SIA diluluskan. Laporan Pemantauan perlu disediakan secara berkala (enam bulan sekali) oleh Penggerak Projek dan diserahkan kepada Urus setia SIA, PBT dan agensi terlibat untuk rujukan bagi tujuan verifikasi dan penguatkuasaan. PLANMalaysia Selangor, PBT atau agensi boleh memanggil penggerak projek untuk membentangkan hasil pemantauan sekiranya perlu.

Peringkat audit penting untuk menilai pematuhan keseluruhan projek dan memastikan langkah-langkah mitigasi adalah berkesan dalam mengatasi atau meminimumkan impak sosial kepada masyarakat sekitar. Audit juga membuka peluang kepada penggerak projek untuk mengenalpasti penambahbaikan sewajarnya dalam pengurusan impak sosial.

Dalam proses SIA peringkat audit boleh dilaksanakan secara sukarela oleh penggerak projek selepas kerja-kerja pembangunan cadangan projek bermula dan diteruskan sepanjang tempoh hayat projek. Proses audit boleh dilaksanakan menerusi pengaudit bebas yang dilantik khas oleh penggerak projek.



LAMPIRAN

Lampiran 1 : Format Kandungan Laporan SIA

Lampiran 2 : Senarai Semak Laporan Penilaian Impak Sosial

Lampiran 3 : Senarai Maklumat Asas Projek Pembangunan

FORMAT KANDUNGAN LAPORAN SIA

Cadangan Isi Kandungan Laporan SIA sebagaimana PPSIA 2023, PLANMalaysia

- Deklarasi Penggerak Projek.
- Deklarasi Perunding.
- Ringkasan Eksekutif dalam Dwi-bahasa.
- Bab 1 : Pengenalan.
- Bab 2 : Penyataan Keperluan Projek.
- Bab 3 : Maklumat Projek.
- Bab 4 : Pembidangan.
- Bab 5 : Sosio-ekonomi, Demografi dan Guna Tanah.
- Bab 6 : Penglibatan Awam.
- Bab 7 : Potensi Impak Sosial dan Langkah-Langkah Mitigasi.
- Bab 8 : Pelan Pengurusan Impak Sosial.
- Bab 9 : Kesimpulan.
- Rujukan.
- Lampiran.

BAB 1 – PENGENALAN

Bab 1 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Nama projek serta penerangan ringkas berkaitan projek (lokasi, saiz);
- Maklumat asas tentang penggerak projek (Contoh: Nama orang yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat emel);
- Maklumat asas perunding (Nama syarikat, nama individu yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat e-mel); dan
- Nyatakan kategori SIA bagi projek ini dan kaitan dengan konteks perundangan Akta 172 sama ada ia tertakluk di bawah seksyen 20B atau subseksyen 22(2A).

BAB 2 – KENYATAAN KEPERLUAN PROJEK (STATEMENT OF NEED)

Bab 2 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Pernyataan keperluan projek (Statement of Need);
- Nyatakan kenapa projek berkenaan adalah penting untuk masyarakat dan negara/negeri; dan
- Nyatakan dengan jelas bagaimana pelaksanaan projek adalah selari dengan dan mendokong dasar antarabangsa, negara, wilayah, negeri dan tempatan. Rujukan perlu dibuat dengan dasar-dasar utama seperti Sustainable Development Goals, Rancangan Fizikal Negara, Pelan Wilayah atau Koridor, Rancangan Struktur Negara dan Rancangan Tempatan Daerah.

BAB 3 – MAKLUMAT PROJEK

Bab 3 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Opsyen projek. Nyatakan dengan jelas bagaimana proses penilaian opsyen- opsyen projek dan pemilihan opsyen projek yang optimum dijalankan. Nyatakan juga kriteria-kriteria yang diambil kira dalam menentukan opsyen projek yang optimum. Contoh aspek yang diambil kira dalam perancangan projek adalah seperti aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi dan trafik;
- Keterangan terperinci berkenaan projek yang dicadangkan termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek, dsbnya;
- Penerangan tentang komponen-komponen projek dan aktiviti-aktiviti utama di sepanjang peringkat projek iaitu di peringkat pra-pembinaan, pembinaan dan operasi;
- Kaedah pembinaan. Nyatakan kaedah-kaedah pembinaan yang diguna pakai dalam projek; dan
- Garis masa pelaksanaan projek.

BAB 4 – PEMBIDANGAN (SCOPING)

Bab 4 perlu mengandungi penjelasan tentang proses pembidangan:

- Kenal pasti impak awalan. Nyatakan kaedah-kaedah yang telah diguna pakai dalam menentukan impak awalan. Jelaskan impak-impak awalan yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan projek pada peringkat-peringkat projek;
- Kenal pasti Zon Pengaruh. Jelaskan tentang asas yang diguna pakai dalam menentukan Zon Pengaruh. Sertakan rajah yang jelas bagi menunjukkan bentuk ZOI tersebut;
- Kenal pasti pihak-pihak berkepentingan. Jelaskan tentang pihak-pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti; dan
- Kenal pasti kaedah penglibatan awam. Nyatakan kaedah-kaedah penglibatan awam yang diguna pakai bagi kajian SIA dan terangkan tentang teknik atau metodologi persampelan kaji selidik, teknik FGD dan temu bual sekiranya berkaitan.

BAB 5 – SOSIO-EKONOMI, DEMOGRAFI DAN GUNA TANAH

Bab 5 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Huraian tentang lokaliti sosial di sekitar tapak projek. Perlu disertakan rajah yang jelas menunjukkan lokasi serta sempadan tapak projek dan kawasan-kawasan di sekeliling tapak projek;
- Maklumat berkaitan jumlah penduduk atau isi rumah, komposisi kaum, kumpulan umur, latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan taraf ekonomi (miskin tegar, B40, M40 atau T20);
- Analisis guna tanah juga perlu diperjelaskan dengan maklumat seperti komposisi atau peratusan guna tanah sedia ada dan masa hadapan;
- Pembangunan komited di sekitar tapak projek. Sertakan gambar rajah yang jelas bagi menggambarkan guna tanah di dalam kawasan Zon Pengaruh; dan
- Kawasan sensitif sosial.

BAB 6 – PENGLIBATAN AWAM

Bab 6 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Dapatan hasil analisis yang dijalankan terhadap data yang diperoleh daripada sesi- sesi penglibatan awam sama ada kaji selidik, FGD, temu bual atau bengkel; dan
- Rumusan dari sesi penglibatan awam yang menyatakan input-input utama serta kerisauan utama dari pihak berkepentingan

BAB 7 – POTENSI IMPAK SOSIAL DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

Bab 7 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Kaedah jangkaan impak yang diguna pakai;
- Penerangan mengenai potensi impak-impak sosial sewaktu di peringkat pra-pembinaan, pembinaan dan operasi. Impak-impak perlu dikaitkan kepada penerima impak dan lokasi secara spesifik;
- Penerangan berkenaan serta penilaian keketaraan impak; dan
- Langkah-langkah mitigasi yang praktikal dan relevan bagi setiap impak yang dikenal pasti perlu diperincikan.

BAB 8 – PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL

Bab 8 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Organisasi pelaksanaan;
- Mekanisme pelaksanaan;
- Rangka kerja pemantauan;
- Sistem pengurusan rungutan;
- Pelan tindakan kecemasan; dan
- Rangka kerja pelaporan dan audit (jika ada).

BAB 9 – KESIMPULAN

Bab 9 harus merumuskan dan membuat kesimpulan yang padat berkenaan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang telah dijalankan untuk cadangan projek pembangunan.

LAMPIRAN

Lampiran boleh mengandungi maklumat atau rujukan yang menyokong/*complement* laporan utama atau mengandungi maklumat-maklumat teknikal. Antara lain, lampiran kepada Laporan SIA boleh terdiri dari :

- Borang soal selidik yang telah diguna pakai;
- Nota/minit mesyuarat dari sesi FGD atau bengkel atau forum awam; dan
- Surat-surat kelulusan/komen agensi.

CONTOH DEKLARASI KAJIAN SIA UNTUK PENGGERAK PROJEK

DEKLARASI PENGGERAK PROJEK

PROJEK PEMBANGUNAN ABC

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa keseluruhan Laporan SIA adalah hasil perunding SIA yang dilantik oleh organisasi saya dan semua fakta dan maklumat yang dinyatakan di dalam laporan adalah benar dan tepat sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan bahawa saya tidak berselindung atau memutarbelitkan sebarang fakta. Saya bersetuju untuk memikul tanggungjawab melaksanakan semua langkah mitigasi dan penambahbaikan impak sosial yang dinyatakan dalam Laporan SIA.

Nama : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi Organisasi : _____

CONTOH DEKLARASI KAJIAN SIA UNTUK KETUA PERUNDING

DEKLARASI KETUA PERUNDING

PROJEK PEMBANGUNAN ABC

Saya mengisytiharkan bahawa keseluruhan Laporan SIA adalah hasil kerja saya sendiri dan kerja ahli pasukan saya (iaitu: perunding SIA yang berkelayakan) yang bekerja di bawah pengawasan saya dan semua fakta dan maklumat yang dinyatakan di dalam laporan adalah benar dan tepat sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan bahawa saya tidak berselindung atau memutarbelitkan sebarang fakta. Saya telah memberi penerangan kepada penggerak projek mengenai kandungan laporan, dan menekankan kepadanya semua langkah mitigasi dan penambahbaikan impak sosial yang dinyatakan dalam Laporan SIA, dan penggerak projek telah bersetuju untuk melaksanakannya.

Surat deklarasi ini perlu disertakan bersama dengan sijil keahlian LPBM/MSIA dan sijil penilai dan penyedia SIA (jika ada).

Tandatangan

:

Cop Rasmi Organiasasi:

Nama

:

No K/P atau Pasport

:

Jawatan

:

Tarikh

:

CONTOH DEKLARASI KAJIAN SIA UNTUK AHLI PASUKAN

DEKLARASI AHLI PASUKAN

PROJEK PEMBANGUNAN ABC

Saya mengisytiharkan perkara berikut:

- i. Saya telah menjalankan kajian secara profesional menggunakan metodologi yang boleh diterima;
- ii. Dapatan kajian adalah benar dan tepat dari pengetahuan saya dan tidak diubah dengan apa cara sekalipun;
- iii. Langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan sepanjang pengetahuan saya adalah boleh dipercayai, praktikal dan mencukupi untuk mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan; dan
- iv. Saya akan bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat yang mengelirukan di dalam mana-mana bahagian laporan ini.

Surat deklarasi ini perlu disertakan bersama dengan sijil keahlian LPBM/MSIA atau sijil profesional yang berkaitan.

Tandatangan : _____ **Cop Rasmi Organisasi:**

Nama : _____

No K/P atau Pasport : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

SENARAI SEMAK LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

1. Senarai semak ini hendaklah digunakan oleh perunding dalam menilai Laporan SIA yang disediakan merujuk kepada bab penulisan yang dicadangkan di dalam Lampiran 1.
2. Semua maklumat yang dikongsikan dan dinilai dalam senarai semak ini mestilah tepat dan berdasarkan isu kritikal projek dan skor yang dicadangkan.
3. Penggerak projek dan perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat yang diberikan/dinyatakan dalam senarai semak ini.

Tandakan kategori Laporan SIA yang berkenaan :

☐ Kategori A ☐ Kategori B

BAB / TAJUK

BAB 1: PENGENALAN

a. Maklumat Projek:

i. Nama Projek:

ii. Penerangan ringkas projek (spt. lokasi, saiz) :

b. Maklumat asas penggerak projek:

i. Syarikat Penggerak Projek:

ii. Pendaftaran Syarikat: _____

iii. Alamat:

iv. Nombor telefon : _____

v. Emel : _____

vi. Individu yang bertanggungjawab (*person-in-charge*) :

Nama : _____

Nombor telefon : _____

Emel : _____

c. Maklumat asas Perunding :

i. Syarikat Perunding :

ii. Pendaftaran Syarikat (jika berkenaan) : _____

iii. Alamat:

iv. Nombor telefon : _____

v. Emel : _____

vi. Individu yang bertanggungjawab (*person-in-charge*) :

Nama : _____

Nombor telefon : _____

Emel : _____

BAB / TAJUK	TANDAKAN (✓) PADA TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN	TULISKAN MUKA SURAT TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN
BAB 2: KENYATAAN KEPERLUAN PROJEK (STATEMENT OF NEED)		
a. Pernyataan keperluan projek	☐	
b. Kepentingan projek kepada masyarakat, negeri / negara	☐	
c. Menyenaraikan pelan pembangunan / polisi / dasar antarabangsa / negara / wilayah / negeri / tempatan yang menyokong projek pembangunan (cth. Sustainable Development Goals, Rancangan Fizikal Negara, Pelan Wilayah atau Koridor, Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan).	☐	
BAB 3: MAKLUMAT PROJEK		
a. Pilihan (opsyen) projek:		
i. Huraian proses penilaian & pemilihan opsyen projek yang optimum	☐	
ii. Kriteria penilaian dalam perancangan (cth: aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi, trafik dll)	☐	
b. Perincian projek (termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek dll)	☐	
c. Huraian komponen projek dan aktiviti utama sepanjang peringkat projek:	☐	
i. Pra-pembinaan		
ii. Pembinaan		
iii. Operasi		
d. Huraian kaedah pembinaan	☐	
e. Garis masa pelaksanaan projek	☐	

BAB / TAJUK	TANDAKAN (✓) PADA TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN	TULISKAN MUKA SURAT TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN
BAB 4: PEMBIDANGAN (SCOPING) a. Kenal pasti impak awalan dan kaedah yang diguna pakai bagi setiap fasa projek pembangunan: i. Pra-pembinaan ii. Pembinaan iii. Operasi b. Kenal pasti Zon Pengaruh: i. Asas/ justifikasi jarak Zon Pengaruh ii. Rajah bentuk Zon Pengaruh c. Kenal pasti dan huraian mengenai pihak-pihak berkepentingan d. Kenal pasti kaedah penglibatan awam : i. Kaedah penglibatan awam; dan ii. Teknik / metodologi persampelan	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
BAB 5: SOSIO-EKONOMI, DEMOGRAFI DAN GUNA TANAH a. Huraian lokaliti sosial sekitar tapak projek: i. Rajah & label yang jelas ii. Lokasi & sempadan b. Analisis data sekunder c. Demografi penduduk d. Analisis guna tanah e. Pembangunan komited sekitar kawasan projek <i>(disertakan dengan rajah yang jelas)</i> b. Kawasan sensitif sosial	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	

BAB / TAJUK	TANDAKAN (✓) PADA TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN	TULISKAN MUKA SURAT TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN
BAB 6: DAPATAN SESI PENGLIBATAN AWAM a. Hasil analisis sesi penglibatan awam b. Rumusan	 ☐ ☐	
BAB 7: POTENSI IMPAK SOSIAL DAN LANGKAH MITIGASI a. Kaedah jangkaan impak yang digunakan b. Penerangan potensi impak kepada komuniti terkesan dan lokasi spesifik mengikut fasa projek pembangunan: i. Pra-pembinaan ii. Pembinaan iii. Operasi c. Penerangan dan penilaian keketaraan impak d. Langkah-langkah mitigasi bagi setiap impak yang dikenal pasti	 ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
BAB 8: PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL a. Organisasi pelaksanaan b. Mekanisme pelaksanaan c. Rangka kerja pemantauan d. Sistem pengurusan rungutan e. Pelan tindakan kecemasan f. Rangka kerja pelaporan dan audit <i>(jika ada)</i>	 ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	

BAB / TAJUK	TANDAKAN (✓) PADA TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN	TULISKAN MUKA SURAT TAJUK YANG TELAH DIPERINCIKAN
BAB 9: KESIMPULAN Rumusan & kesimpulan berkenaan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang dijalankan.	☐	
LAMPIRAN a. Senarai Rujukan b. Laporan kaji soal selidik & borang soal selidik c. Nota/minit mesyuarat sesi penglibatan awam	☐ ☐ ☐	

SENARAI MAKLUMAT ASAS PROJEK PEMBANGUNAN

SENARAI SEMAK

Tajuk Projek	:	
Nama Perunding	:	
No. Telefon	:	
Nama Penggerak Projek	:	
No. Telefon	:	

BIL.	PERKARA	YA	TIDAK	STATUS / CATATAN
1.	Surat Pengesahan Saringan Kategori SIA daripada PLANMalaysia / Surat arahan penyediaan Laporan SIA oleh PBT			
2.	Pematuhan pengezonan dalam Rancangan Struktur (RS) terkini.			
3.	Pematuhan pengezonan dalam Rancangan Tempatan (RT) terkini.			
4.	Urusan berkaitan tanah / pengambilan tanah <i>(jika berkaitan)</i> .			
5.	Kebenaran Merancang (KM) <i>(jika berkaitan)</i> .			
6.	Keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) <i>(jika berkaitan)</i> .			
7.	Nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) <i>(jika berkaitan)</i> .			
8.	Status Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) <i>(jika berkaitan)</i> .			
9.	Status Laporan Kajian Penilaian Impak Lalulintas (TIA) <i>(jika berkaitan)</i> .			
10.	Lain-lain maklumat yang berkaitan bagi menyokong / tidak menyokong cadangan projek ini.			
11.	5 salinan <i>hardcopy</i> Laporan SIA dan 1 <i>softcopy</i> format PDF			

Untuk Kegunaan Pejabat

Pegawai Penerima :
Tarikh :

Cop Terima :

HUBUNGI KAMI

URUSETIA

PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)

Tingkat 3, Menara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor,
Persiaran Damai, Seksyen 11,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

www.jpbdselangor.gov.my



